



**TEKS UCAPAN  
YB DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR,  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SEMPENA  
MAJLIS PERJUMPAAN KHAS  
YB MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI  
BERSAMA WARGA KATS**

**11 FEBRUARI 2020**

---

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis.

**YANG AMAT BERTAMBAH HORMAT DATO' DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL,**  
Menteri Besar Johor, tetamu khas serta delegasi,

**YANG BERTAMBAH HORMAT TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,**  
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli,

**YANG BERTAMBAH BAHAGIA DATUK ZURINAH PAWANTEH,**  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

**YANG BERTAMBAH HORMAT DR. MOHD MOKHTAR BIN TAHAR,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Tanah dan Sumber Asli),  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

**YANG BERTAMBAH HORMAT PUAN AZIZAH BINTI ARIFFIN,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Air dan Pembetungan),  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

Ketua-Ketua Pengarah, Setiausaha-Setiausaha Bahagian Tuan-Tuan  
dan Puan Sekalian.

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Terima kasih diucapkan kepada pihak urusetia yang telah sudi menjemput saya hadir ke majlis ini dan menyampaikan ucapan. Seperti yang kita semua sedia maklum, masyarakat Cina telah menyambut perayaan Tahun Baharu Cina pada 25 Januari 2020 yang lalu. Walaupun hari ini merupakan hari ke-18 rakan-rakan Cina kita menyambut Tahun Baharu, namun masih belum terlewat lagi untuk kita mengadakan majlis ini dan mengucapkan **Gong Xi Fa Cai** kerana sudah menjadi kebiasaan di Malaysia kita meraikan sesuatu perayaan untuk tempoh sebulan.
2. Seperti biasa kita di KATS akan mengadakan majlis khas bagi meraikan Pegawai-Pegawai sempena Sambutan Perayaan-Perayaan yang diadakan. Inilah keunikan kita di Malaysia. Kepelbagaian inilah yang membuatkan kita istimewa. Sepanjang tahun kita mempunyai banyak perayaan yang bukan sahaja diraikan oleh sesuatu kaum, tetapi turut diraikan bersama oleh kaum-kaum lain. Ia adalah bertujuan bagi mengeratkan semangat muhibah dan jalinan kerjasama antara semua warga KATS.
3. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab dalam pengurusan air, tanah dan sumber asli, KATS mempunyai seramai 296 orang pegawai Cina yang bertugas di kementerian, jabatan dan agensi. Tanpa mengira bangsa, kita semua perlu bersama-sama berganding bahu bagi memastikan visi, misi dan objektif KATS dapat dicapai.

Hadirin sekalian,

4. Tahun Baharu Cina adalah perayaan yang cukup penting bagi Masyarakat Cina di seluruh dunia. Peluang untuk berkumpul bersama keluarga, menikmati makan besar dan bertemu dengan rakan-rakan, sanak saudara, memberi dan menerima 'angpau' adalah sesuatu yang sangat dinanti-nantikan tidak kira bagi yang tua mahupun yang muda. Festival ini adalah peluang untuk mengukuhkan persahabatan dan rasa harmoni dalam kalangan semua etnik di Malaysia.
5. Dalam konteks kita di Malaysia, setiap perbezaan kehidupan, budaya dan kepercayaan, tidak seharusnya mengasingkan kita kerana rasa hormat dan meraikan majlis rakan-rakan daripada kaum lain akan membuat kita lebih menghargai serta memerlukan satu sama lain yang akan melahirkan sifat bantu membantu dalam banyak perkara.
6. Manakala daripada aspek tugas dan tanggungjawab, isu-isu air, tanah dan sumber asli negara adalah tanggungjawab kita bersama tanpa mengira agama mahupun bangsa kita. Sebagai negara yang berbilang kaum, kita amat bertuah kerana dapat menyambut pelbagai perayaan yang membuktikan Malaysia bukan sahaja kaya dengan khazanah alam tetapi keamanan dan kebudayaan. Di samping itu, keamanan dan keharmonian yang kita nikmati pada hari ini diharap dapat kita kekalkan untuk generasi akan datang.

Hadirin sekalian,

7. Kementerian ini telah berjaya mengecapi pelbagai kejayaan pada tahun 2019 seperti Penganjuran Pameran Hutan Kita, Pelancaran Kempen Selamatkan Harimau Malaya dan Perlaksanaan Operasi Bersatu Khazanah, Pemetraian Perjanjian Persempadanan dan lain-lain lagi pencapaian.
8. Manakala kedudukan Malaysia bagi Indeks Persepsi Rasuah (CPI) bagi tahun 2019 telah meningkat ke tangga 51 daripada 180 negara berbanding pada tangga 61 pada tahun 2018. Skor Malaysia adalah sebanyak 53 peratus berbanding skor sebanyak 47 peratus pada tahun sebelumnya. Ia jelas membuktikan bahawa Kerajaan serius dalam memerangi gejala rasuah dan segala usaha Kerajaan sejak Mei 2018 sedang membuahkan hasil. Harapan saya ialah agar Tahun Tikus atau ***Year of the Metal Rat*** mengikut kalendar Zodiak Cina ini akan membawa tuah, kejayaan, pencapaian yang lebih baik dan kegembiraan kepada kita di KATS khususnya dan negara amnya dalam menghadapi cabaran tahun 2020 ini.
9. Untuk makluman bersama pada tahun 2020 ini kita mempunyai banyak acara-acara besar di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat antarabangsa seperti Penganjuran Larian Hutan Kita, 3<sup>rd</sup> *ASEAN Conference on Biodiversity (ACB2020)*, 4<sup>th</sup> *Asia Ministerial Conference on Tiger Conversation (AMC 2020)*, Perasmian Kempen Menanam 100 Juta Pokok Menjelang 2025 dan lain-lain program yang memerlukan komitmen semua pihak sama ada di KATS mahupun di Jabatan-Jabatan. Sehubungan itu, saya mohon kerjasama semua pihak agar kita dapat sama-sama menjayakan program-program tersebut.

10. Di kesempatan ini, izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan urusetia yang telah bertungkus–lumus dalam memastikan kelancaran majlis kita pada hari ini. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua hadirin yang telah sudi melapangkan masa bagi menghadiri majlis ini. **GONG XI FA CAI.**

Sekian, terima kasih.